

11 JAN 2001

Rantau-AS/I

TANGANI HURU HARA, KATA LAKSAMANA AS

KUALA LUMPUR, 11 Jan (Bernama) -- Negara-negara Asia Tenggara dan rakan-rakan mereka harus mencari jalan menangani huru hara yang berlaku di bahagian tertentu di rantau ini, kata Ketua Pemerintah Markas Pasifik Tentera Laut Amerika Syarikat Laksamana Dennis C. Blair.

Beliau berkata sikap megetepikan peraturan undang-undang menyebabkan rakyat, termasuk warganegara Malaysia dan Amerika Syarikat, dijadikan tebusan.

"Terdapat beberapa kawasan huru hara di bahagian dunia ini, yang negara di rantau ini dan kami yang berada di luarnya tetapi mengambil berat tentang bahagian dunia ini, harus bekerjasama untuk mengatasinya," katanya.

Blair berkata demikian pada sidang berita di sini selepas mengadakan perbincangan berasingan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak.

Seorang warganegara Amerika masih lagi dijadikan tebusan oleh kumpulan bersenjata di selatan Filipina manakala dalam dua kejadian tahun lepas, dua kumpulan termasuk pelancong asing dan rakyat Malaysia diculik oleh kumpulan bersenjata dari dua pulau di Sabah, Malaysia dan dibawa dengan bot ke selatan Filipina.

Blair juga berkata bahawa perlu ada usaha gigih untuk membasmi pengedaran di rantau ini.

Beliau berkata negara-negara serantau juga boleh mempertingkatkan kerjasama untuk membanteras lanun di kawasan perairan.

Blair turut memuji Asia Tenggara kerana "menjalankan tugas yang agak baik dalam mengekalkan keadaan yang aman".

"Dan, saya rasa ini akan berterusan pada masa depan," katanya.

"Perbalahan atau konflik antara serantau adalah sesuatu yang perlu dijauhkan."

Beliau berkata adalah penting mengutamakan tradisi Asean dalam menyelesaikan pertikaian secara aman.

Blair akan menamatkan lawatan tiga harinya ke Malaysia esok sebelum melakukan lawatan ke Kemboja.

-- BERNAMA

MAM MAM NAK